

23/09/1997

MAM kesali sikap doktor

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Aids Malaysia (MAM) kesal terhadap sesetengah doktor kerajaan dan pusat perubatan swasta di negara ini kerana masih mendiskriminasi penghidap Aids dan pembawa HIV positif.

Pengerusinya, Datuk Paduka Marina Mahathir, berkata MAM menerima beberapa aduan daripada penghidap HIV positif dan Aids yang mendakwa mereka diberi rawatan yang terlalu `klinikal' tanpa memikirkan perasaan pesakit berkenaan.

"Doktor dan jururawat kurang memberikan perhatian terhadap penghidap HIV positif dan Aids, malah ada yang tidak mahu merawat langsung pesakit terbabit," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bengkel `Pembangunan Profesional HIV dan Aids Untuk Jururawat dan Penjaga Pesakit' di sini, hari ini.

Seramai 200 jururawat hospital, pengajar kejururawatan serta penjaga pesakit menyertai bengkel sehari anjuran bersama MAM dan Glaxo Wellcome (Malaysia) Sdn Bhd (Glaxo).

Turut hadir ialah Pengarah Urusan Glaxo, Zainal Abidin Majid dan Presiden Persatuan Pengajar Kejururawatan Semenanjung Malaysia, Badariah Musa.

Perunding Jururawat Klinik dari Sydney, Australia, Suzanne Talbert, yang berpengalaman 11 tahun dalam bidang HIV dan Aids di Hospital Westmead Sydney memberi ceramah di bengkel sehari itu.

(END)